

01 NOV 2001

Ling-Pengangkutan

KERAJAAN ULANGI JAMINAN TIADA KENAIKAN TAMBANG PENGANGKUTAN AWAM

KUALA TERENGGANU, 1 Nov (Bernama) -- Kerajaan mengulangi jaminannya tiada kenaikan tambang pengangkutan awam akan dibenarkan walaupun harga petrol dan diesel dinaikkan 10 sen seliter, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata kenaikan itu hanya melibatkan kira-kira 1 peratus terhadap keseluruhan kos operasi dan kenaikan itu tidak memberikan kesan besar terhadap syarikat-syarikat pengangkutan awam.

"Bagi petrol ia hanya melibatkan satu peratus daripada kos keseluruhan manakala bagi diesel ia lebih sedikit dari satu peratus," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian sijil tamat sekolah Sekolah Menengah Chung Hwa Wei Sin, di sini, hari ini.

Menurutnya kenaikan itu tidak akan membebankan pengusaha-pengusaha syarikat pengangkutan awam berikutan kesan terhadap kos operasinya adalah sedikit dan ia juga tidak akan membebankan pengguna.

Kenaikan 10 sen petrol dan diesel diumumkan dalam Belanjawan 2002 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, yang juga Menteri Kewangan di Parlimen pada 19 Okt lepas.

Sementara itu, Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) tidak akan menaikkan tambangnya berikutan kenaikan harga petrol dan diesel kerana MAS menggunakan bahan api yang berbeza.

Dr Ling berkata tiada kenaikan tambang akan dikenakan kepada penumpang kerana bahan api yang digunakan adalah merupakan minyak yang berbeza dan tidak tergolong dalam kenaikan yang diumumkan sebelum ini.

"Kita tidak akan menaikkan tambang kerana kapal terbang menggunakan bahan api yang lebih tinggi mutunya," katanya.

Baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan MAS akan menaikkan tambang penerbangannya sebanyak 50 peratus bagi penerbangan domestik kecuali Sabah dan Sarawak.

-- BERNAMA

MRA ZB